

Nasib Naimah dapat perhatian, ditawarkan dialisis percuma

ALOR SETAR: Penderitaan menimpa ibu tunggal anak empat, Naimah Abd. Razak yang menghidap penyakit buah pinggang seperti disiarkan akhbar ini mendapat perhatian Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF).

Pengurus Kebajikan NKF, Loo Leong Heng berkata, yayasan berpangkalan di Selangor itu menawarkan rawatan dialisis percuma kepada wanita berusia 39 tahun tersebut di pusat dialisis mereka di sini.

“NKF mempunyai dua pusat dialisis di Alor Setar dan boleh membantu pesakit-pesakit tidak

berkemampuan untuk mendapat dialisis yang optimum seperti Naimah secara percuma.

“Pihak kami juga akan menanggung kos pengangkutan dari rumahnya di Jitra ke Alor Setar untuk menjalani rawatan dialisisnya,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Menurut Leong Heng, bantuan tersebut adalah untuk jangka masa panjang atau sehingga Naimah mendapat penempatan rawatan di hospital kerajaan.

“Ia sekurang-kurangnya akan melepasi bebannya daripada rawatan dialisis. NKF sentiasa

membantu pesakit buah pinggang daripada golongan tidak berkemampuan seperti Naimah,” katanya.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan penderitaan Naimah yang terpaksa menjaga empat anak termasuk dua daripadanya yang menghidap autisme setelah diceritakan Disember tahun lepas.

Menurutnya, mereka lima beranak kini hidup dalam serba kekurangan apatah lagi ketika dia terpaksa menjalani rawatan dialisis tiga kali seminggu kerana penyakit yang dihidapinya sejak setahun yang lalu.

Ibu tunggal hidap sakit buah pinggang cekal besarkan empat anak

KUBANG PASU: Sudah jenuh ditimpa tangga, demikian takdir seorang wanita yang bukan sahaja menderitai sakit buah pinggang tetapi kini terpaksa membesarkan empatnya anak sendirian.

Lebih mengharukan dalam kehidupan Naimah Abd. Razak, 39, apabila dua anaknya, Hazim dan Hazim yang

tal kerajaan tetapi tak dapat lagi, kena tunggu giliran pula.

“Alhamdulillah, ada bantuan zakat untuk anak-anak sebanyak RM1,000 sebulan yang boleh menampung persekolahan mereka dan belanja kami sebulan,” katanya ketika ditemui di Taman Perumahan Awam Tanah Merah, Jitra di sini semalam.

Menurut Naimah, dua anak belakunya itu belajar di sekolah pendidikan khas berdekatan rumah tersebut sementara adik perempuannya mereka, Alayah, 11, di sebuah sekolah kebangsaan di Jitra.

“Saya tidak mempunyai kewajaran jadi terpaksa apah van sekolah dengan tambang RM250 setiap bulan. Buak sekolah nanti kena tambah lagi tambang



NAIMAH Abd. Razak bersama empat anaknya termasuk kembar yang menghidap autisme di rumah sewa mereka di Taman Perumahan Awam Tanah Merah, Jitra, Kubang Pasu. -UTUSAN/AMALIAH ABDULLAH

**UTUSAN
Malaysia
24 Januari
2023.**